



KESATUAN RAGBI MALAYSIA (MALAYSIA RUGBY UNION)

PRESS RELEASE

KEJOHANAN LIGA RAGBI MALAYSIA 15'S 2019

Kejohanan Liga Ragbi Malaysia 15 Sepasukan anjuran Kesatuan Ragbi Malaysia akan membuka tirainya pada 16hb Febuari 2019 ini sehingga 24hb Mac 2019 di venue-venue yang telah ditetapkan oleh KRM iaitu UPM Serdang dan Pangkalan Udara TUDM Kuala Lumpur. Kejohanan pada tahun ini akan di sertai oleh 16 pasukan kelab Gabungan Negeri mengikut kedudukan ranking terbaik tahun 2017 dan 2018. Ia juga merupakan medan pemilihan pemain-pemain untuk mewakili negara di Kejohanan Ragbi Asia (Premier) yang dijadualkan berlangsung pada 18 Mei 2019 sehingga 29 Jun 2019 melibatkan 3 negara bertanding iaitu Malaysia, Hong Kong dan Korea.

Pada tahun ini, KRM akan mengadakan format dua divisyen iaitu Divisyen Premier dan Divisyen 1 yang mana 8 pasukan kelab setiap divisyen. Divisyen Premier terdiri dari kelab Keris Conlay selaku juara Air Asia Malaysia Rugby League 2017, Asas RC, Mersing RC, UiTM Lions, UPM Serdang Angels, SSTMI Tsunami, Iskandar Raiders dan NS Wanderers. Manakala Divisyen 1 adalah Cobra, Politeknik Malaysia, Silver Gaurus, ATM JIJ, Edwardian Tigers, Polis Bersatu, Blackhawk dan KL Tigers. Perlawanan peringkat kumpulan akan dijalankan secara liga satu pusingan dan bagi perlawanan peringkat pusingan akhir, semua pasukan akan melayakkan diri ke suku akhir dan di susun mengikut kedudukan terbaik setiap pasukan dalam kumpulan masing-masing setelah tamat peringkat liga.

Perlawanan akhir kejohanan ini akan berlangsung pada 24 Mac 2019 di Universiti Putra Malaysia Serdang (UPM). Pada tahun ini, Pihak Kesatuan Ragbi Malaysia akan menawarkan hadiah wang tunai untuk para pemenang. Bagi johan Div Premier ini, pasukan akan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM10000.00, naib johan RM7000.00, Tempat Ketiga RM5000.00 dan Tempat Keempat RM3000.00. Manakala johan Div Satu akan menerima hadiah wang tunai sebanyak RM7000.00, naib johan RM5000.00, Tempat Ketiga RM3000.00 dan Tempat Keempat RM1500.00. Pemain terbaik perlawanan akhir setiap divisyen kejohanan ini akan menerima hadiah wang tunai RM500.00 berserta medal. Majlis penutup dan penyampaian hadiah akan disempurnakan oleh Presiden Kesatuan Ragbi Malaysia Y.Bhg Dato' Shahrul Zaman bin Yahya.

Justeru dengan itu, pihak KRM mengharapkan kerjasama rakan media untuk membuat liputan perlawanan kejohanan ini dan seterusnya menyiarkan dalam pihak tuan. Liputan sebelum, semasa dan selepas kejohanan amat kami harapkan selaras dengan sokongan dan komitmen pihak media untuk memberikan publisiti terbaik kepada sukan ragbi tanahair.

FAHMY JALIL

Pengarah Pertandingan KRM

3 Oktober 2018